

24/06/2001

Ibrahim Ali akui hanya ahli biasa

"SAYA tidak boleh mengembalikan Kelantan kepada Umno kerana saya bukan jeneral di barisan depan," kata Ketua Bahagian Umno Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali.

Menjawab cabaran Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, katanya, beliau bukan Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan, tetapi hanya ahli biasa.

"Saya mencadangkan Hishammuddin membawa cadangan kepada Presiden parti supaya seseorang pemimpin tidak memegang dua tiga jawatan serentak kerana dia tidak akan ada masa untuk memberikan perhatian kepada tugasnya.

"Jika beliau setuju dengan cadangan ini, biar saya jadi pengerusi," katanya.

Beliau gembira provokasi yang dilakukannya dalam bahas pagi kelmarin mendapat reaksi Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad dan Hishammuddin.

Katanya, sebagai wakil Kelantan, beliau lega kerana objektif pelantikannya sebagai wakil dalam perbahasan itu tercapai.

Ibrahim berkata, Dr Mahathir dalam penggulungannya menjelaskan mengenai tajuk yang dibawanya iaitu perlunya pemimpin yang dilantik berjaya bukan saja memajukan agensi yang diteraju tetapi juga memimpin minda anak-anak buahnya.

"Bagaimanapun, saya ingin mengulangi pandangan saya bahawa Pemuda perlu menjadi juara kepada Umno, sebagai sayap kanan parti yang memperjuangkan kepentingan orang Melayu.

"Dengan menjadi juara kepentingan orang Melayu, maka imej Umno dan nasib orang Melayu akan terbela. Saya rasa, saya sudah berjaya menggerakkan Pemuda bukan dengan mengipas tetapi dengan menendang kaki Pemuda," katanya.

(END)